

UCAPAN YAB DATUK HUSSEIN ONN,
PERDANA MENTERI DI MESYUARAT
MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL
UGAMA ISLAM, MALAYSIA YANG KE XVI
DI BILIK GERAKAN PERDANA MENTERI,
KUALA LUMPUR, PADA 14HB OKTOBER,
1976 - JAM 10.00 PAGI

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi wabarakatuh,

Tuan-tuan sekalian,

Terlebih dahulu marilah kita semua bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan izinNya, serta limpah kemurahanNya, dapat kita semua berkumpul pagi ini, membincangkan bersama perkara-perkara yang boleh melicinkan lagi penyelarasan pentadbiran dan pelaksanaan hal-hal yang bersangkutan dengan Ugama Islam.

2. Mengambil sempena kali pertama saya ^{menjunjung kasih} mempengerusikan Majlis ini, saya ~~mengucapkan~~ ~~terimakasih~~ di atas kepercayaan yang diberikan oleh Majlis Raja-Raja ~~Malaysia~~, melantik saya sebagai Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Saya sedar bahawa tanqqunqjawab ini adalah berat. Oleh itu, saya

sangatlah mengharapkan kerjasama hali-ahli Majlis serta Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam usaha kita untuk kemajuan serta meninggikan lagi Syiar Islam di negara kita ini.

3. Saya sukacita mengalu-alukan beberapa ahli baru Majlis yang mewakili negeri iaitu:-

(i) Tuan Haji Mohd. Talha bin Haji

Abdul Rahman - dulunya wakil

Negeri Sembilan, sekarang menjadi

wakil Negeri Selangor.

(ii) Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd.

Kassim bin Haji Hashim, menggantikan

Yang Berbahagia Datuk Haji Abu Bakar

Titingan, sebagai wakil Negeri Sabah.

(iii) Tuan Haji Abdullah bin Haji Abdul Rahman menggantikan Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Abdul Rahim sebagai Wakil Negeri Johor.

(iv) Yang Berhormat Mulia Tengku Sri Bijaya Raja wakil Trengganu yang menggantikan Tengku Sri Indera.

Kepada ahli-ahli baru ini, saya mengucapkan selamat datang.

Tuan-tuan sekalian,

4. Dalam kita mengalu-alukan ahli-ahli baru, kita sepatutnya tidak melupakan jasa dan khidmat cemerlang ahli-ahli lama Majlis ini yang menjadi printis kepada kemajuan yang telah dicapai setakat ini. Saya mengajak tuan-tuan bersama-sama saya memberi penghargaan yang tinggi kepada Yang

Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, bekas Perdana Menteri Malaysia, kerana dengan pemikiran dan pandangan jauhnya, Majlis ini telah ditubuhkan bagi menyelaraskan kegiatan, peraturan dan undang-undang Ugama Islam, yang diterima menjadi Ugama Resmi Negara kita.

5. Seperti yang kita sedia maklum, Majlis ini ditubuhkan pada tahun 1969. Setakat ini, kita telahpun mengadakan sebanyak 15 kali mesyuarat. Beberapa banyak keputusan hasil daripada Kertas-kertas Kerja yang dibincangkan, telah dilaksanakan. Banyak kejayaan telah dicapai. Dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri pula, kita telah dapat mengeratkan hubungan dalam usaha menyelaraskan kegiatan dan peraturan hal-hal ugama Islam secara lebih sempurna lagi.

6. Saya merasa amat bangga kerana melalui Majlis ini, kita telah dapat mendekatkan pemikiran pentadbir-pentadbir Hal Ehwal ^{Ugama} Islam di negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan. Penyelarasan ini, adalah perlu demi kepentingan dan faedah umat Islam seluruhnya.
7. Saya yakin juga Tuan-tuan bersetuju untuk bersama-sama ~~kita~~ mengenang jasa bakti Allahyarham Tun Abdul Razak, Pengerusi Kedua Majlis ini, kerana semasa hayatnya, telah mengambil perhatian berat dalam segala usaha dan perkembangan bagi meningkatkan lagi kemajuan pentadbiran dan penyelarasan pentadbiran Majlis ini. Antara kemajuan yang jelas dilihat oleh kita semua ialah penubuhan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Instituti Dakwah dan Latihan Islam dan Pusat Penyelidikan Islam.

8. Bantuan-bantuan yang besar telah juga dikeluarkan untuk menggalak dan menyelaraskan aktiviti Dakwah Islam di negara ini. Begitu juga kepada bekas ahli Majlis ini dan juga ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa yang lain, samada yang masih hidup ataupun yang sudah berpulang ke Rahmatullah, kita sepatutnya tidak melupakan jasa-jasa mereka. Insya Allah semua jasa bakti mereka ini diterima Allah sebagai amalan yang baik untuk jadi contoh tauladan.

9. Saya harap dapatlah kita melipatgandakan usaha-usaha kita ke arah pencapaian kemajuan yang lebih tinggi lagi. Usaha penyelarasan ini hanya akan berjaya dengan ujudnya semangat kerjasama, dari semua negeri yang menjadi anggota Majlis.

Tuan-tuan sekalian,

10. Pada hemat saya kita patutlah menjalankan usaha-usaha yang lebih giat lagi bagi membangkitkan kesedaran umat Islam seluruhnya, supaya mereka tidak senang dipengaruhi oleh gulungan-gulungan yang cuba memperkecil-kecilkan ugama Islam dan kegiatan yang dijalankan oleh Kerajaan. Kita hendaklah juga menjalankan langkah bagi mencegah anasir-anasir yang menyebarkan ajaran-ajaran salah yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang ugama Islam.

11. Sebagaimana kita sedia maklum musoh-musoh kita juga menggunakan ugama bagi mencapai niat jahat mereka itu. Seperti yang sering saya sebutkan, Islam adalah ugama yang mewajibkan umatnya mem-
pertahankan Negara sehingga ke titisan darah yang

~~terakhir~~, dari serangan dan ancaman sebarang musuhnya. Komunis menyedari hal ini dan mereka tidak akan berdiam diri untuk menghancurkan asas-asasnya. Sudah ada usaha-usaha mereka untuk mempromogandakan bahawa Islam dan komunis tidak bercanggah. Maksud mereka Islam dan komunis boleh 'co-exist' dalam satu negara. Inilah fahaman bahaya yang sedang ditanam oleh komunis, terutamanya ditujukan kepada orang Melayu yang ada di luar bandar yang di desak oleh kemiskinan. Inilah tanda-tanda mengenai bahaya-bahaya yang sedang di hadapi.

12. Islam di Malaysia sekarang sedang menghadapi peperangan total yang tidak di istiharkan oleh komunis. Umat Islam haruslah di sedarkan tentang musuh ugama baik di hutan, atau di bandar yang sedang bersiap sedia untuk menghancurkan kehidupan berugama. Oleh itu, saya sangat mengharapkan supaya Majlis ini dan Majlis Ugama Negeri-Negeri dapat menyedarkan umat Islam mengenai ancaman ini. Umat Islam, melalui Dakwah dan melalui Institusi-institusi Islam, seperti Mesjid-mesjid dan surau-sarau hendaklah di pertingkatkan keimanan mereka, sebagai benteng teguh untuk mempertahankan serangan faham komunis dan lain-lain fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam yang tulin.

13. Setakat inilah sahaja pada hemat saya ucapan pembukaan saya, sebelum kita membincangkan perkara-perkara yang tersusun dalam agenda. Mudah-mudahan Majlis kita ini akan diberkati Allah dan diredhaiNya.

Terimakasih.



ARKIB PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR



JUL 1978

**PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI**



JUL 1978



No. Siri	218
No. Penerimaan	28/78